

# SIRIM STANDARD



**SIRIM 67:2024**

ICS. 77.040.20

**Keperluan penilaian emas dan perak  
sebagai barang gadaian**

**SIRIM Berhad**

© Hak cipta 2024

## **STANDARD SIRIM**

SIRIM Berhad adalah penyedia penyelesaian utama dalam inovasi kualiti dan teknologi yang membantu industri dan perniagaan untuk bersaing dengan lebih baik melalui setiap langkah rantaian nilai perniagaan.

SIRIM Berhad adalah pusat kecemerlangan dalam penyeragaman, memudahkan industri dan perniagaan dalam meningkatkan pengeluaran dan daya saing mereka, melindungi kesihatan dan keselamatan pengguna, dan memberi mereka pilihan untuk produk dan perkhidmatan yang berkualiti.

Sebagai sebuah organisasi pembangunan standard, SIRIM Berhad mempunyai kepakaran yang luas dalam penyelidikan dan perundingan standard yang membantu industri dan perniagaan untuk memenuhi keperluan dan amalan tempatan dan antarabangsa, melalui pembangunan Standard SIRIM.

Standard SIRIM dibangunkan mengikut prosedur penyeragaman SIRIM, yang selaras dengan amalan antarabangsa yang memastikan penyertaan yang sesuai oleh pihak yang berminat. Standard SIRIM dibangunkan melalui konsensus oleh jawatankuasa, yang terdiri daripada pakar dalam perkara ini. Penggunaan Standard SIRIM adalah secara sukarela, dan ia terbuka untuk diterima pakai oleh pengawal selia, agensi kerajaan, persatuan, industri, badan profesional, dll.

Untuk maklumat lanjut mengenai Standard SIRIM, sila hubungi:

Seksyen Pembangunan & Perundingan Standard  
SIRIM Academy Sdn Bhd  
(Company No.: 199701032750 (448249 - A)  
1, Persiaran Dato' Menteri  
Section 2, P.O. Box 7035  
40700 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA

Tel: 603-5544 6089/6088  
Email: [standards@sirim.my](mailto:standards@sirim.my)  
Website: <https://www.sirimacademy.my/>

**Kandungan**

	<b>Mukasurat</b>
Prakata.....	ii
0 Pengenalan .....	1
1 Skop.....	1
2 Rujukan normatif .....	1
3 Istilah dan definisi.....	2
4 Keperluan bagi penaksir .....	3
5 Keperluan bagi proses penilaian barang gadaian .....	4
Bibliografi.....	8

**Prakata**

Standard SIRIM ini telah dibangunkan oleh Jawatankuasa Penilaian Emas dan Perak yang ditubuhkan oleh SIRIM Berhad.

Standard ini dibangunkan dengan objektif berikut:

- a) memberi panduan mengenai proses penilaian emas dan perak sebagai barang gadaian bagi memastikan ketelusan institusi pajak gadai; dan
- b) untuk digunakan sebagai dokumen asas bagi tujuan pensijilan.

Standard ini akan dikaji semula secara berkala, dan jika perlu, disemak semula, untuk memastikan ia mencerminkan keperluan dan keadaan semasa. Pengguna dan pihak lain yang berminat boleh mengemukakan komen mengenai kandungan standard ini untuk dipertimbangkan dalam versi akan datang.

Pematuhan terhadap standard ini tidak dengan sendirinya memberikan imuniti daripada kewajipan undang-undang.